

Kampung Tok Jembal mungkin lenyap daripada peta dek hakisan

KUALA LUMPUR – Satu kajian simulasi kelautan mendapati Kampung Tok Jembal, Kuala Terengganu dan kawasan di sekitarnya yang dihuni ratusan penduduk mungkin akan 'hilang ditelan laut' dalam tempoh 15 tahun jika masalah hakisan pantai tidak diberi perhatian.

Penyelidik di Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan Universiti Malay-

sia Terengganu (UMT), Dr. Mohammad Fadhli Ahmad berkata, simulasi yang dijalankan sejak empat tahun lalu mendapati 42.6 meter kawasan darat itu telah terhakis.

“Kawasan yang teruk terjejas adalah sepanjang 3.4 kilometer (km) bermula dari utara Lapangan Terbang Sultan Mahmud sehingga ke UMT dan ia turut meli-

batkan Kampung Tok Jembal,” katanya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Mohammad Fadhli berkata, berdasarkan kajian itu tidak mustahil Kampung Tok Jembal akan hilang daripada peta negeri Terengganu dalam tempoh berkenaan jika tiada sebarang langkah menangani masalah hakisan dilakukan.



STESEN kajian sumber tenaga diperbaharui UMT rosak dan runtuh akibat hakisan ombak di Pantai Tok Jembal, Kuala Terengganu baru-baru ini.